

**Najib Cadangkan Konsep Wassatiah Selesaikan Banyak Masalah Dunia
Bernama
27Sept, 2013
Daripada: Khairdzir Md Yunus**

NEW YORK, 27 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak percaya banyak masalah dunia hari ini boleh diselesaikan jika masyarakat mengamalkan konsep kesederhanaan atau wassatiah.

Beliau berkata jika masyarakat dan kerajaan menggunakan kesederhanaan dalam tindak-tanduk dan dasar mereka, maka negara akan mempunyai masyarakat yang lebih adil, saksama dan inklusif.

Amalan wassatiah, katanya, berasaskan kepada prinsip tertentu dan nilai-nilai murni, seperti keadilan, kesaksamaan, memilih untuk berdialog daripada konfrontasi, berunding daripada berkonflik.

"Dan jika kita memilih pendekatan wassatiah dan menolak nazisme atau militan, dan pemikiran yang ekstremis, akan ada peluang kita boleh berusaha ke arah menjadikan dunia ini sebuah dunia yang aman," katanya dalam syarahan 'The New Meetings, Moderation: The New Modernity' (Pertemuan Baharu, Kesederhanaan: Kemodenan Baharu), yang ditaja bersama Council on Foreign Relations (CFR)'s Religion dan Foreign Policy Initiative, di Peter G. Peterson Hall, The Harold Pratt House, New York.

Sesi itu dihoskan Fareed Zakaria dari CNN, Editor Tugas-tugas Khas Majalah TIME dan anggota Lembaga Pengarah CFR.

Anggota CFR di Washington DC, menyertai mesyuarat ini melalui persidangan video dan disiarkan secara langsung melalui laman web CFR (www.cfr.org).

Najib berkata apa yang dimahukan rakyat Malaysia dan negara lain di dunia ialah keamanan, kemakmuran dan keharmonian yang boleh dicapai jika masyarakat mengamalkan keseluruhan konsep wassatiah.

"Kita tidak pinggirkan sesiapa...jangan biarkan suara-suara melampau, perkauman dan ketaksuban menenggelamkan suara kita," katanya.

Perdana menteri berkata beliau menggalakkan Pergerakan Wassatiah Global melalui ucapannya di seluruh dunia kerana beliau percaya bahawa masalah dalam dunia hari ini bukanlah antara penganut Kristian, umat Islam dan Yahudi tetapi sebenarnya ialah antara golongan ekstremis dan sederhana.

Najib berkata beliau mencari pakatan kerjasama dengan pihak yang mendukung kepercayaan dan prinsip serupa termasuk dari Amerika Syarikat, untuk menggalakkan dan mengukuhkan usaha ini.

Ditanya pendapatnya tentang pengebom nekad Islam semasa sesi soal jawab itu, Najib berkata beliau telah memperkatakan mengenai tindakan itu dalam ceramahnya di Universiti Oxford, United Kingdom sebelum ini bahawa Islam menentang perbuatan sedemikian.

"Islam mengajar umatnya jangan membunuh mereka yang tidak berdosa, walaupun dalam peperangan. Perbuatan itu dilarang Islam dan ia sebenarnya dilakukan oleh orang yang

'merampas' Islam dengan objektif politik mereka yang sempit dan mementingkan diri," katanya.

Oleh itu beliau menggesa media, terutama di Barat supaya tidak menggelar mereka ini sebagai pengganas Islam atau kumpulan jihad kerana mereka hanyalah puak pelampau tanpa mengira kepercayaan agama mereka.

"Ada bahayanya dalam mengapi-apikan Islam-fobia di Barat. Adalah lebih baik jika media di Barat lebih arif mengenai perkara ini...mereka hanyalah pengganas daripada kumpulan tertentu," katanya.

Diminta mengulas peristiwa pengemboman 9/11 World Trade Centre di New York pada 2001, Najib berkata ia merupakan kombinasi kepada beberapa faktor.

Katanya Islam tidak pernah dikaitkan dengan keganasan dan berdasarkan fakta sejarah, penduduk di Asia Tenggara memeluk Islam dan meninggalkan agama Hindu secara aman.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=981121>